

01 NOVEMBER 2017

## Air ketum: tiga kakitangan MBPJ mengaku salah

### Air ketum: Tiga kakitangan MBPJ mengaku salah

PETALING JAYA - Mahkamah majistret di sini menetapkan 7 Disember ini untuk menjatuhkan hukuman ke atas tiga kakitangan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) yang mengaku bersalah, semalam, atas pertuduhan memiliki air ketum, empat hari lalu.

Majistret Mohd Azali Ibrahim menetapkan tarikh itu bagi menunggu laporan kimia.

Mus Mulyadye Mohammad, 41; Mohammad Aizuddin Dzali, 31 dan Nur Amirul Aiman Noor Azam, 22, masing-masing mengaku bersalah selepas pertuduhan terhadap mereka dibacakan di hadapan Mohd Azali.

Mengikut pertuduhan, mereka didakwa bersama-sama memiliki air ketum dengan isi padunya dianggarkan 250 milimeter di halaman sebuah rumah di Taman Medan, di sini, jam 8 malam, 27 Oktober lalu.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya Abu Arslnaa Zainal Abidin menawarkan jaminan RM3,000 dengan seorang penjamin bagi setiap tertuduh.

Mahkamah membenarkan tertuduh masing-masing diikat jamin RM1,800 dengan seorang penjamin. - *Bernama*